



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel :603-88832545
Faks :603-8889 5542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

MAKMAL KKM MAMPU MENGESAN DAN MENGESAHKAN VIRUS MERS-CoV

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan di setiap peringkat, susulan kejadian satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV di Johor. Aktiviti pengesanan kontak dan pemantauan masih dijalankan. Sehingga 23 April 2014, **tiada kes baru dikesan dan tiada kluster jangkitan MERS-CoV**. Sehubungan itu, jumlah kumulatif dilaporkan dari seluruh negara kekal sebagai satu (1) kes kematian. Semua kontak di bawah pemantauan kesihatan berada dalam keadaan sihat.

KKM sentiasa mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan di semua peringkat bagi menghadapi kejadian MERS-CoV termasuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti makmal bagi mengesan dan mengesahkan jangkitan MERS-CoV. Untuk memastikan kualiti ujian yang dijalankan, External Quality Assurance (EQA) juga telah dijalankan di semua makmal yang terlibat sebanyak dua (2) kali setahun.

Sehingga kini, selain dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) Sungai Buloh dan Makmal Kesihatan Awam (MKA) Kota Kinabalu, KKM juga telah meningkatkan kapasiti di 12 makmal hospital kerajaan. Ini terbukti dengan pengesanan dan pengesahan kes pertama MERS-CoV di Malaysia yang dijalankan di salah sebuah makmal hospital kerajaan dan seterusnya di IMR.

KKM akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini. Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV boleh diperolehi dari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>.

Sekian dan terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

23 April 2014